



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

BMS 2022 MEMBUDAYAKAN AMALAN MENABUNG

1. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2022 merupakan program *signature* Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang dilaksanakan bermula tahun 2018. Ini adalah salah satu usaha untuk menyebarkan manfaat Simpan SSPN kepada Keluarga Malaysia bersempena dengan Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun. PTPTN telah mengadakan Majlis Penutup BMS 2022 dan Sambutan Hari Tabungan Sedunia secara dalam talian pada 30 Oktober 2022, melalui *Facebook* PTPTNOfficial dan *Youtube* PTPTN TV yang disempurnakan oleh Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN.
2. Bertemakan “**Blok**” dengan mengekalkan *tagline* **Jom Jadi Superhero Anak Anda**, BMS 2022 telah dilaksanakan secara *on-ground event* pada 1 Oktober 2022 dan 2 Oktober 2022 serentak di 14 negeri seluruh negara. Seterusnya, program ini juga diadakan sepanjang bulan Oktober bermula 1 Oktober 2022 hingga 31 Oktober 2022 secara dalam talian di peringkat negeri dan nasional. Tema “Blok” yang dipilih adalah amat signifikan dengan usaha berterusan, perancangan dan ketelitian untuk membina masa hadapan. Ia juga bertepatan dengan usaha penabungan yang memerlukan perancangan awal dalam memastikan kejayaan pada masa hadapan.
3. Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, “Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) amat signifikan dengan Hari Tabungan Sedunia kerana kedua-duanya adalah bertujuan untuk meningkatkan literasi kewangan dan budaya penabungan yang perlu diterapkan dalam diri individu. Atas semangat inilah PTPTN memilih untuk menganjurkan BMS pada bulan Oktober setiap tahun mulai tahun 2018 dengan pelbagai aktiviti bagi mengimarahkan Hari Tabungan Sedunia. Tahun ini merupakan tahun kelima PTPTN menganjurkan program ini untuk Keluarga Malaysia.”

4. “Sepanjang program BMS 2022 berlangsung, PTPTN menasarkankan terimaan deposit Simpan SSPN berjumlah RM150 juta. Bagi tempoh 1 Oktober sehingga 28 Oktober 2022, jumlah deposit Simpan SSPN yang diterima adalah sebanyak RM144 juta atau 96% berbanding RM150 juta yang disasarkan. InsyaAllah, masih berbaki dua (2) hari lagi sebelum 31 Oktober 2022 dan PTPTN yakin dapat mancapai sasaran yang ditetapkan. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pendeposit kerana anda berjaya menjadi *Superhero* anak anda,” ujar Encik Ahmad Dasuki lagi.

5. Dalam pada itu, bersempena dengan sambutan bulan menabung pada tahun ini, PTPTN turut melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) iaitu Program Junior Superhero Simpan SSPN Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2022. Melalui program ini, PTPTN memberi sumbangan akaun Simpan SSPN Prime berjumlah RM100 kepada kelahiran bayi baharu bulan Oktober tahun 2022. Pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk menanam budaya menabung dan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan penabungan serta perancangan kewangan sedari awal untuk jaminan masa hadapan bagi tujuan pendidikan tinggi melalui Simpan SSPN.

6. Menurut Pengerusi PTPTN, Dr. Apli Yusoff berkata, “Dalam usaha memperkasakan budaya penabungan, PTPTN turut bekerjasama dengan institusi kewangan dan rakan-rakan strategik dengan mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang bulan Oktober 2022 untuk meningkatkan kesedaran dan menyemai pengetahuan mengenai kewangan.”

7. “PTPTN akan terus komited untuk meningkatkan lagi kesedaran masyarakat untuk terus menabung di dalam Simpan SSPN bagi mengelakkan kebergantungan kepada pinjaman. PTPTN yakin usaha ini akan disokong oleh semua pihak bagi merealisasikan visi PTPTN sebagai peneraju tabung pendidikan tinggi negara,” tambah beliau.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
30 Oktober 2022**